

# Kerjasama UMS-SIL tumpu bahasa ibunda Sabah

DE 31-11-2012 7

ISNIN: Sedar dengan ancaman kepupusan bahasa ibunda di negeri ini Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil inisiatif dalam memelihara dan mengembangkan bahasa tempatan dengan memeterai satu perjanjian dengan Summer Institute of Linguistics (SIL) Malaysia, satu organisasi yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan mampan bidang linguistik.

Perjanjian tersebut dimeterai dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Bilik Mesyuarat Utama, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa di kampus berkenaan.

UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah manakala SIL Malaysia diwakili oleh Pemangku Pengarahnya, Cynthia M. Spoelman.

Hadir sama, Dekan Pusat Penataran dan Ilmu Bahasa (PPIB) UMS, Prof. Dr. Vincent Pang, dan penyandang Kursi Kadazandusun UMS, Prof. Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan.

Terdahulu, menurut Harun, MoU itu akan jurus dalam usaha merangsang pembangunan penyelidikan dan pengajaran bahasa ibunda di Sabah.

"Generasi muda pada zaman sekarang tidak cenderung untuk mempelajari dan menggunakan bahasa ibunda sekaligus mampu memberi impak negatif yang akan membawa kepada kepupusan



bahasa kebudayaan masing-masing di masa hadapan. "Justeru, diharap melalui kerjasama ini ramai pakar bahasa akan mengambil cabaran untuk melakukan sesuatu bagi memastikan bahasa-bahasa ibunda yang terdapat di Sabah tidak hilang ditelan zaman," katanya dalam satu kenyataan di sini, Selasa.

Melalui kerjasama tersebut, penyelidik UMS boleh menggunakan pangkalan data yang dikumpul SIL Malaysia mengenai bahasa tem-

patan Sabah yang dikumpul sejak SIL menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Sabah pada tahun 1978.

Selain itu, kedua-dua pihak akan terlibat dalam pertukaran kakitangan akademik, kerjasama dalam mendokumentasikan bahasa, dan latihan kepada suku kaum tempatan terhadap kaedah mengarkibkan bahasa ibunda bagi membantu pengumpulan data untuk tujuan pemeliharaan bahasa ibunda di Sabah.

Harun  
(dua, kiri) dan  
Cynthia M.  
Spoelman  
bertukar  
dokumen  
perjanjian  
MoU  
sementara  
Vincent (kiri)  
dan  
Jacqueline  
menyaksikan.